

## KAJIAN KORPUS FRASA ADVERBA CARA BAHASA MELAYU

Eileen Sim Siew Wah<sup>i</sup> Radiah Yusoff<sup>ii</sup> & Solakhiah Januri<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> Pelajar & Guru, Universiti Sains Malaysia & Kementerian Pendidikan Malaysia. eileensim11@yahoo.com

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Universiti Sains Malaysia. radiah@usm.my

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Universiti Sains Malaysia. solakhia@usm.my

### Abstrak

Selama ini dinyatakan dengan jelas dalam buku-buku tatabahasa Bahasa Melayu (Asraf, 1989; Nik Safiah et al., 2015; Za'ba, 2000), bahawa preposisi dengan wajib diikuti oleh frasa nama untuk membentuk frasa preposisi. Sekiranya preposisi dengan diikuti oleh frasa adjektif, kata adjektif tersebut perlu menerima kata pembenda -nya sebagai unsur wajib bagi membentuk kata nama. Kata nama ini menjadi kepala dalam frasa nama dan seterusnya menjadi komplemen kepada preposisi dengan (Asraf, 1989; Nik Safiah et al., 2015). Walaubagaimanapun, berdasarkan penelitian ke atas data korpus, hasil dapatan kajian ini menemukan beberapa hal yang utama. Pertama, kajian ini mendapati bahawa kata dengan boleh juga diikuti oleh kata adjektif tanpa kehadiran kata -nya. Data kajian ini memperlihatkan bahawa apabila dengan diikuti oleh frasa adjektif sama ada dalam binaan [FA A + -nya] atau [FA A], binaan yang terhasil adalah frasa atau klausa adverba dan bukannya frasa preposisi kerana frasa tersebut menepati ciri-ciri suatu adverba dengan fungsinya sebagai adverba cara, iaitu dengan maksud 'cara sesuatu perbuatan itu dilakukan'. Kedua, kajian ini mengkategorikan kata -nya dalam binaan [A + -nya] sebagai kata penguat yang bertugas untuk menguatkan maksud 'kesangatan' yang terkandung dalam kata atau frasa adjektif. Oleh itu, kata -nya dalam frasa adverba ini bukanlah kata pembenda. Ketiga, kata 'dengan' pula bukanlah preposisi tetapi ia adalah kata hubung keterangan yang mengambil klausa sebagai komplemen. Secara keseluruhannya struktur dengan + klausa komplemen dalam dapatan tersebut adalah klausa keterangan/adverba. Analisis kajian ini tertumpu kepada ayat yang mengandungi struktur binaan predikat [kata kerja ber- + dengan + komplemen] dengan klausa dengan + [FA A + -nya]/[FA A] adalah klausa adverba yang menyatakan maksud 'cara sesuatu perbuatan/tindakan dilakukan'. Kajian ini memanfaatkan Korpus DBP dalam talian dan ayat-ayat contoh dalam karya ilmiah tentang tatabahasa bahasa Melayu.

Kata kunci: *Frasa adverba cara; 'dengan' + frasa adjektif; kata hubung dengan; kata penguat '-nya', korpus*

### 1.0 PENGENALAN

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmood (2008: 265) dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* menyatakan bahawa "kata sendi nama ialah perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama". Satu daripada contoh kata sendi nama (atau preposisi) yang disenaraikan ialah preposisi *dengan* seperti yang diperlihatkan dalam ayat (1) dan (2).

1. Ketua penyamun yang menyamar itu dibunuh oleh Murjiana dengan pisau ketika dia sedang menari dalam majlis menghormati saudagar itu. (Korpus DBP)
2. Dengan kaedah ini, kerajaan negeri menerusi badan atau agensi mewujudkan beberapa projek hiliran atau baru hasil limpahan industri utama untuk membantu golongan terbabit. (Korpus DBP)

Kata sendi nama [preposisi] *dengan* di hadapan kata nama atau frasa nama yang digunakan dalam binaan ayat mempunyai empat maksud (Nik Safiah Karim et al., 2008, ms. 280). Satu daripada empat maksud tersebut ialah keterangan cara yang boleh diperlihatkan oleh binaan frasa adverba preposisi *dengan* yang hadir selepas kata kerja 'beR-', yang menjadi skop untuk kajian dalam kertas ini.

Persoalan yang timbul ialah apakah preposisi *dengan* wajib diikuti oleh binaan [kata adjektif + *-nya*], khususnya apabila preposisi *dengan* digunakan bagi menyampaikan maksud 'cara sesuatu itu dilakukan'? Dengan kata lain, apakah kata adjektif dalam binaan FADV [*dengan* + [kata adjektif + *-nya*]] wajib menerima kata *-nya* atau tidak? Persoalan ini timbul apabila pengkaji mendapati bahawa, dalam korpus kajian dan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (Korpus DBP), terdapat ayat yang mempunyai frasa adverba *dengan* yang diikuti oleh binaan frasa adjektif sahaja.

3. "Kita berharap rakyat akan menerimanya dengan baik," katanya yang turut mengalu-alukan penubuhan Bank Pembangunan dan Infrastruktur, yang boleh menjana pembangunan negara. (Korpus DBP)
4. Sesungguhnya amalan menabung amat digalakkan dalam Islam sebagai strategi menentang perbuatan membazir dan boros selaras hadith Rasulullah saw yang bermaksud "Allah mengurniakan rahmat kepada orang yang berusaha dengan cara yang halal, membelanjakan harta dengan bijaksana dan dapat memperuntukkan sebahagian hartanya (sebagai tabungan) pada saat ia (berkemungkinan) fakir (nanti) dan pada saat ia memerlukan" (Muttafaq `Alaih). (Korpus DBP)

Selain itu, apakah fungsi '*-nya*' apabila kata ini hadir selepas kata adjektif dalam frasa adverba cara *dengan* yang diikuti oleh binaan [kata adjektif + *-nya*]? Ini kerana terdapat dua pandangan berbeza tentang fungsi '*-nya*', iaitu sebagai pembenda dan sebagai penegas.

## 2.0 KAEDAH PENGUMPULAN DATA AYAT

Kajian ini menggunakan dua korpus bagi memperoleh data ayat. Korpus pertama dikenali sebagai korpus kajian yang menggunakan tiga sumber data mentah:

- (i) 11 jenis ruangan dalam *Utusan Online* sepanjang tahun 2008,
- (ii) Cerpen-cerpen yang disiarkan dalam *BH Online* dari 2 Ogos 2008 hingga 10 Januari 2009, dan
- (iii) *Konserto Terakhir* hasil penulisan kreatif oleh Sasterawan Negara, Dato' Abdullah Hussain.

Korpus kedua ialah Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (disingkatkan sebagai Korpus DBP) dan digunakan bagi menampung kekurangan bilangan bahan bertulis dalam korpus kajian.

Data ayat korpus yang digunakan dalam kajian ini dijana dengan menggunakan perisian Wordsmith. Ayat yang dikutip daripada janaan konkordans *Wordsmith* ialah ayat-ayat:

- (i) dengan binaan *beR-* + *dengan* + kata adjektif + *-nya* atau tanpa *-nya* dan
- (ii) mempunyai pengertian keterangan cara.

Contoh ayat ini ialah:

5. Ia **berenang** dengan pantas apabila menyedari ada ikan besar yang mengikuti pergerakannya. (Korpus DBP)
6. Kedua-dua beranak itupun **berjalan** dengan pantasnya menuju ke rumah. (Korpus DBP)

Ayat-ayat kompleks diedit tanpa menjejaskan maksud ayat asal supaya menjadi ayat penyata mudah. Ayat yang telah diedit digunakan sebagai analisis data kajian. Contohnya ayat (7) telah dipendekkan menjadi ayat (8), dan ayat (9) menjadi ayat (10).

7. Bila projek ini dilancarkan, masyarakat desa telah memberi sambutan yang menggalakkan dan ini telah mendorong Risda untuk berusaha dengan lebih giat lagi membantu masyarakat tersebut. (Korpus DBP)
8. Risda berusaha dengan lebih giat lagi.
9. Saya sedar saya masih boleh berkayuh dengan baik kerana kebelakangan ini, prestasi saya semakin meningkat, lebih-lebih lagi ketika saya berazam untuk memikat semula pengurusan MSN. (Korpus DBP)

10. Saya masih boleh berkayuh dengan baik.

### 3.0 ANALISIS DESKRIPTIF DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini memuatkan analisis deskriptif bagi perlakuan sintaksis preposisi *dengan* yang menyatakan maksud keterangan cara, iaitu 'cara sesuatu itu dilakukan'. Skop kajian ini terbatas kepada binaan preposisi 'dengan' + kata adjektif yang hadir selepas kata kerja *beR-*. Berikut diperturunkan beberapa ayat dengan frasa adverba cara yang dikaji. Ayat-ayat tersebut merupakan janaan konkordans daripada korpus kajian dan Korpus DBP.

Data korpus menunjukkan kehadiran dua bentuk binaan frasa adverba cara *dengan* + kata adjektif. Data ini menunjukkan bahawa binaan 'dengan' + kata adjektif tanpa kehadiran '-nya' adalah jauh lebih tinggi, lebih lazim, dan lebih produktif berbanding binaan 'dengan' + kata adjektif + '-nya':

- (a) binaan 'dengan' + kata adjektif seperti 'Kamu mampu **berfikir dengan pantas** untuk mengelak serangan' sebanyak 0.05% dan
- (b) binaan 'dengan' + kata adjektif + *-nya* seperti 'Kastam pula **bertindak dengan cepatnya**' sebanyak 0.0087%.

Pemerhatian ini menunjukkan bahawa binaan frasa adverba cara 'dengan' + kata adjektif wajar dipertimbangkan sebagai ayat yang gramatis.

Apa yang menjadi isu ialah bentuk 'dengan' + kata adjektif, seperti dalam (11) dan (12), dianggap binaan yang tidak gramatis berdasarkan penahu-penahu bahasa Melayu seperti Asraf (1989), dan Nik Safiah Karim et al. (2008).

- 11. Pada mulanya, proses kelahiran beliau berjalan dengan baik dan keadaan bayi juga sihat. (Korpus DBP)
- 12. Pendapat yang diketengahkan olehnya tidak mahu dibawa berbincang dengan terperinci. (Korpus DBP)

Ketetapan tersebut menjadi pegangan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran sebagaimana yang diperlihatkan dalam penulisan Abdul Ghalib Yunus (2013) dan mereka yang berpegang kepada *Tatabahasa Dewan*. Korpus dan jumlah peratusan janaan konkordans yang lebih tinggi bagi binaan 'dengan' + kata adjektif menyebabkan ketetapan tersebut sukar dipertahankan kerana penjanaan ayat-ayat tersebut didasarkan kepada kecekapan bahasa pada penutur asli bahasa Melayu. Konkordans kajian ini membuktikan bahawa bahasa penutur jati bahasa Melayu cekap menerima kedua-dua binaan frasa adverba cara, iaitu *dengan* + kata adjektif, dan 'dengan' + kata adjektif + '-nya' sebagai ayat yang gramatis. Oleh itu, isu bahawa hanya ayat yang memiliki binaan FADV [dengan + [kata adjektif + *-nya*]] boleh diterima sebagai ayat gramatis tidak dapat dipertahankan.

Isu kedua pula melibatkan status dan maksud *-nya* yang ditambahkan pada kata adjektif. Kajian ini berpendirian bahawa '-nya' yang hadir dalam ayat seperti 'Kastam pula **bertindak dengan cepatnya**' bukanlah kata pembenda sebagaimana yang dinyatakan oleh Asraf (1989) dan Nik Safiah Karim et al. (2008). Sebaliknya, '-nya' merupakan satu klitik yang digunakan untuk menyatakan penegasan dengan maksud keamatan. Lihat juga Asmah Asmah Haji Omar (2009) perjelasan terperinci. Untuk menjelaskan '-nya' sebagai unsur penegas dengan maksud keamatan, ayat (13) boleh diparafrasakan sebagai ayat (14).

- 13. Kastam pula bertindak **dengan cepatnya**. (Korpus DBP)
- 14. Kastam pula bertindak **dengan begitu cepat sekali**.

Kajian ini juga ingin menjelaskan bahawa konstituen yang mengandungi '-nya' sebagai kata pembenda pada kata adjektif hanya sesuai dikategorikan sebagai kata nama atau frasa nama apabila binaan [Adjektif + -nya] hadir seperti dalam (15).

15. Belum pernah ia merasa letih seperti itu dulunya. Dia pernah merasa tidak makan tetapi tidak seletih itu rasanya. **Letihnya** sekarang ialah letih pikiran. Letih pikiran ini lebih letih daripada orang bekerja berat. (Korpus DBP: Abdullah Hussain, Interlok, 1971).

16.

Perbezaan pandangan yang terhasil daripada analisis perlakuan sintaksis data korpus yang memperlihatkan bahawa frasa adverba cara yang memiliki binaan dengan [Adjektif +/- -nya] ini boleh dianggap perbezaan mazhab linguistik deskriptif dan preskriptif seperti mana yang dinyatakan oleh Liberman (2018):

Some people think that linguistics is -- or should be -- all about how to speak or write properly. Others believe that the role of linguistics should be only to describe how people actually do speak and write, without making value judgments or trying to establish normative rules.

...

(L)inguistics can certainly be used prescriptively, and often is. And the results of careful description and analysis are at least implicitly normative. However, modern linguists insist that value judgments about language should be recognized as such, and should be examined in the light of the facts. As a result, some critics feel that linguists' attitudes stand in the way of the establishment and maintenance of language standards.

#### 4.0 PENUTUP

Berdasarkan data korpus, hasil kajian ini menunjukkan bahawa -nya yang hadir pada kata adjektif ialah satu kata penegas bagi kata inti adjektif lalu membentuk frasa adjektif. Implikasinya, -nya bukanlah kata pembenda untuk membentuk frasa nama sebagai komplemen kepada preposisi *dengan*. Oleh itu, kewujudan frasa adverba cara yang memiliki binaan FADV [dengan + [kata adjektif]] wajar diterima sebagai bentuk yang gramatis dalam ayat bahasa Melayu. Kajian ini berpegang kepada bahawa bahasa sentiasa berubah dan hidup, bersesuaian dengan perkembangan semasa yang mempengaruhi bahasa tersebut. Tugas linguist dan penahu ialah menghuraikan bahasa ini sebagaimana ia digunakan secara sebenar, termasuklah menjelaskan nilai positif dan negatif yang terserlah daripada pelbagai cara ia digunakan, dan bukan hanya sekadar menetapkan sesuatu itu salah atau betul berdasarkan satu pandangan semata-mata sebagaimana yang diperkatakan oleh Finegan (t.t.):

Living languages must change, must adapt, must grow. Shakespeare could not have understood Chaucer without study, nor Chaucer the Beowulf poet. Whether change is good or bad is not the question, descriptivists say, for change is inevitable. The only languages no longer in flux are those no longer in use. The job of grammarians is to describe language as it exists in real use. This includes describing the positive and negative values attached to different ways of speaking.

## RUJUKAN

- Abdul Ghalib Yunus. (2013, Ogos 20). Frasa kerja dengan unsur keterangan. *Minda* [Akhbar sisipan Berita Harian].
- Abdullah Hussain. (2001). *Konserto terakhir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar & Rama Subbiah. (1968). *An introduction to Malay grammar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asraf. (1989). *Petunjuk Bahasa Malaysia baku KBSM*. Petaling Jaya: Sasbadi.
- BH Online. (2008, Ogos 2 hingga 2009). Dicapai daripada <http://www.bharian.com.my/>.
- Eileen Sim Siew Wah, Radiah Yusoff, Solakhiah Januri. (2016, Disember 22-23). Frasa Adverba Cara *dengan* + Frasa Adjektif dalam Ayat Bahasa Melayu: Satu Kajian Korpus. Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Humanities (ICH 2016), Universiti Sains Malaysia.
- Finegan, Edward. (t.t.). What Is 'Correct' Language? Dicapai pada 1 Julai 2019 daripada <https://www.linguisticsociety.org/resource/what-correct-language>.
- Liaw Yock Fang. (1985). *Nahu Melayu moden*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Lieberman, Mark. (2018) Prescriptive and descriptive linguistics. Dicapai pada 1 Julai 2019 daripada <https://www.ling.upenn.edu/courses/ling001/prescription.html>.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan edisi ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norsuhaida Ismail. (2010). *Analisis kesalahan frasa* [Slaid PowerPoint]. Dicapai pada 1 Disember 2010 daripada <https://www.scribd.com/presentation/38216732/Pengenalan-analisis-Kesalahan-Bahasa>
- Sharif Ibrahim. (2016, Mac 3). Memahami kata sendi nama. *Sinar Harian Online*. Dicapai pada 1 Mei 2016 daripada <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/oh-bahasaku/memahami-kata-sendi-nama-1.492039>
- Utusan Online*. (2008, Januari hingga Disember). Diakses daripada [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (2000). *Pelita Bahasa Melayu Penggal I - III: Edisi baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Biodata Ringkas Penulis

**Eileen Sim Siew Wah** ialah pelajar peringkat ijazah kedoktoran dalam bidang sintaksis bahasa Melayu di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Beliau merupakan guru mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5, dan Pengajian Am Tingkatan 6.

**Radiah Yusoff** ialah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Bidang beliau ialah morfologi, sintaksis, dan linguistik umum. Selain itu, beliau juga berminat dalam bidang sosiolinguistik, pragmatik, terjemahan talian, dan budaya popular, khususnya KPop dan BPop.

**Solakhiah Januri** ialah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Bidang beliau ialah morfologi dan sintaksis nahu generatif. Selain itu, beliau juga berminat dalam bidang sosiolinguistik, semantik dan pemerolehan bahasa kanak-kanak.